



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JK/MP 38 Jld.5  
Tarikh : 27 Mei 2011

Semua Hakim  
Mahkamah Sesyen  
**Seluruh Malaysia**

Semua Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
**Seluruh Malaysia**

Semua Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
**Seluruh Malaysia**

Tuan / Puan,



**PENDAFTARAN KES-KES HALANG TEBUS BAGI KES-KES MUAMALAT SELARAS DENGAN ARAHAN AMALAN BIL. 5 TAHUN 2011**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti mana pihak tuan / puan sedia maklum Ketua Pendaftar melalui Arahan Amalan Bil. 5 tahun 2011 bertarikh 24 Mei 2011 telah mengarahkan supaya kes-kes halang tebus di Mahkamah Tinggi hendaklah didaftarkan di bawah Kod 24F bagi tujuan pemantauan secara berasingan.
3. Berdasarkan maklum balas yang diterima, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menghadapi kesukaran mendaftarkan kes-kes halang tebus tersebut memandangkan terdapatnya dua Bahagian Mahkamah iaitu Bahagian Sivil dan Bahagian Dagang yang mendengar kes halang tebus secara berasingan. Sementara itu di Bahagian Dagang pula terdapat kes-kes halang tebus bagi kes Muamalat yang didaftarkan di bawah kod 24A.
4. Bagi mengatasi masalah yang berbangkit, adalah wajar kes-kes halang tebus bagi kes-kes Muamalat diberikan kod yang berbeza. Dengan itu kes-kes halang tebus bagi kes-kes Muamalat hendaklah didaftarkan di bawah **Kod 24AF**. Bagi tujuan penyeragaman, arahan ini hendaklah juga terpakai kepada semua Mahkamah Tinggi yang mempunyai kes-kes halang tebus yang didaftarkan di bawah Kod 24A bagi kes-kes muamalat.
5. Adalah juga dimaklumkan bahawa pendaftaran kod-kod baru di dalam Arahan Amalan Bil. 5 Tahun 2011 hendaklah diteruskan dengan menggunakan nombor siri yang sedia ada dan tidak bermula dari nombor satu (1) semula.

...2/-

6. Tarikh kuat kuasa arahan tambahan ini adalah pada 1 Jun 2011 bagi negeri-negeri yang tidak menggunakan sistem CMS dan bagi negeri-negeri yang menggunakan sistem CMS tarikh kuat kuasa akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HASHIM BIN HAMZAH )**

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

s.k

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
No. 45, Persiaran Perdana  
Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Pengarah Mahkamah Negeri  
**SELURUH MALAYSIA**



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pengerusi  
Majlis Peguam Malaysia  
No. 13, 15 & 17  
Leboh Pasar Besar  
**50050 KUALA LUMPUR**

FORMIS Network Sdn. Bhd.  
Mahkamah Kuala Lumpur